



BALAI SENI NEGARA
2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak,
53200 Kuala Lumpur.
Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998
Email: ukk@artgallery.gov.my
Website: www.artgallery.gov.my



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

COMMUNITY BASED TOURISM, ARCA DASAR LAUT DI PULAU LANGKAWI, KEDAH

KUALA LUMPUR, 8 Mac 2022 –Potensi Pulau Langkawi dari sudut pelancongan akan bertambah melalui tarikan seni visual baru. *Community Based Tourism*, Arca Dasar Laut di Pulau Langkawi, Kedah merupakan sebuah program yang dianjurkan oleh Balai Seni Negara dengan kerjasama beberapa pihak antaranya Marine Research and Excellent Centre (MAREC) UiTM Perlis, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Pelancongan Seni dan Budaya Negeri Kedah, Geopark Langkawi, Jabatan Perikanan Malaysia, Pejabat Tanah Daerah Langkawi dan Polis Marin Langkawi. Program ini juga telah mendapat penajaan dari pihak Felcra dan juga LADA.

Program bermula pada Disember 2021 dan dijangkakan berlangsung sehingga Mei 2022. Seramai sembilan orang artis yang berpengalaman telah terpilih bagi menyertai program ini iaitu Ahmad Fuad Osman, Zainuddin Abindinhazir, Mohd Al-Khuzairie Ali, Abdul Muthalib Musa, Umibaizurah Mahir Ismail, Low Chee Peng, Tengku Sabri Tengku Ibrahim, Maxine Xie Xian Xin dan Mohd Radzi Ismail. Mereka akan bersama komuniti setempat antaranya para nelayan, operatus selam skuba dan artisan tempatan dalam penghasilan karya arca ini. Mitos dan lagenda Pulau Langkawi akan diangkat sebagai rujukan dalam penghasilannya. Bahan simen konkrit yang telah dirawat dijadikan bahan utama karya dan bahan ini bersifat mesra kepada ekosistem dan ekologi marin.

Proses penghasilan arca dasar laut ini akan dilaksanakan di Pengkalan Kampung Kubang Badak dan pengkalan ini merupakan tempat pertemuan dikalangan peminat biogeotrail tempatan dan antarabangsa, aktiviti snorkeling dan juga memancing. Karya arca yang telah siap dengan minima saiz 5 kaki setiap satunya akan di tempatkan di perairan Pulau Pasir dan arca-arca ini akan berada di daratan, sekitar pesisir dan gigi pantai dan akan di labuhkan di dasar laut sekitar pulau berkenaan. Kehadiran arca ini pastinya akan memperkayakan lagi koloni dan habitat marin yang akhirnya memberi limpahan rezeki kepada komuniti sekitar dan akan menjadi pemangkin kepada *eco-marine* tourism yang baharu.

Maklumat lanjut mengenai program ini, layari laman sesawang www.artgallery.gov.my atau ikuti laman sosial rasmi Balai Seni Negara.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

National Art Gallery

Sarifah Abu Bakar Ebau

T: +60 16 494 7921

E: sarifah@artgallery.gov.my

Wan Nor Hidayah Wan Idris

T: +60 17 987 3303

E: hidayah@artgallery.gov.my

Unit Komunikasi Korporat

Balai Seni Negara, Malaysia

No. 2 Jalan Temerloh, OFF Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W:www.artgallery.gov.my